

08/08/1999

Rakyat Kosovo hadapi tekanan jiwa

Tajudin Saman

KETIKA 10 anggota rombongan perubatan Majlis Hal Ehwal Antarabangsa (MHEA) Pergerakan Pemuda Umno Malaysia tiba di Kosovo dan Albania baru-baru ini, mereka tidak menduga diberi sambutan persaudaraan seagama yang begitu akrab.

Ketua rombongan itu, Dr Shamsul Anwar Sulaiman berkata, beratus ribu rakyat Kosovo-Albania yang bertaburan di beberapa kem pelarian di sempadan kedua-dua negara itu berebut-rebut meminta bendera Malaysia.

"Kami bawa banyak bendera kecil tetapi sekejap saja habis. Sungguhpun begitu, ada yang merayu dan terus meminta lagi. Ini menyebabkan kami terpaksa mencabut bendera yang dilekatkan di bonet kereta untuk diberikan kepada mereka," katanya.

Keperihatinan Pemuda Umno terhadap masyarakat antarabangsa yang ditindas mengilhamkan program bantuan kemanusiaan yang amat diperlukan oleh pelarian Kosovo-Albania.

Dr Shamsul berkata dalam satu perbincangan awal tahun ini, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Hishamuddin Tun Hussein Onn mengilhamkan cadangan menyampaikan bantuan perubatan secara langsung kepada pelarian Kosovo-Albania.

"Selepas itu usaha merealisasikan dijalankan. Kami mendapat kerjasama badan korporat dan orang perseorangan. Daripadanya, pelbagai jenis ubat yang diproses dan dikilang di Malaysia bernilai RM50,000 diperolehi.

Dengan peruntukan itu, kita dapat membeli ubat yang banyak, beratnya lebih 800 kilogram (hampir satu tan) dan kita bawa melalui penerbangan," katanya.

Beliau berkata, sebelum bertolak, anggota rombongan mendapat taklimat logistik daripada pegawai Kementerian Pertahanan yang pernah berkhidmat di Bosnia-Herzegovina.

Menurutnya, dari Kuala Lumpur mereka berlepas ke Rom. Apabila tiba di Rom, mereka mula menghadapi masalah. "Masalah pertama timbul ketika bertolak dari Rom ke Tirana, Albania. Petugas sempadan masuk ke Tirana tidak membenarkan organisasi kemanusiaan masuk ke negara itu.

"Cara mereka berbeza dengan kita. Bagi mereka, kemanusiaan dan bisnes dua perkara berasingan. Oleh itu, barang yang dibawa walaupun untuk tujuan kemanusiaan mesti dikenakan cukai," katanya.

Dr Shamsul berkata, barang mereka seberat 800 kilogram, agak sukar membawanya sedangkan anggota rombongan seramai 10 orang, bermakna tiap seorang hanya boleh membawa 10 kilogram tetapi jumlah berat barang keseluruhannya 800 kilogram, belum masuk barang sendiri lagi. Masalah itu menimbulkan sedikit kesusahan dan bagi menyelesaikannya, mereka terpaksa membayar cukai tambahan berjumlah RM10,000.

Apabila sampai di Tirana mereka terpinga-pinga. Ini kerana mereka ke sana secara bersendirian tanpa sebarang keistimewaan tetapi mereka bersyukur kerana mendapat bantuan spontan wakil Kementerian Pertahanan di negara berkenaan, Kol Azman.

"Kami juga mendapat bantuan Ketua Eksekutif International Commercial Bank - bank tunggal Malaysia beroperasi di Tirana, Alias Bahari. Dia banyak kenalan. Melaluinya kami dapat menemui pelbagai lapisan masyarakat Kosovo di situ," katanya.

Seorang anggota rombongan, Abdul Hadi Zam, berkata dari situ mereka mengatur lawatan bagi tempoh dua minggu. Terpenting ialah mengenal pasti tempat lawatan dan bagaimana cara ke sana. Antara tempat itu ialah Kukes

dan Elbana.

Disebabkan tempat itu dikelola Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mereka terpaksa meminta kebenaran petugas di situ untuk masuk ke kem berkenaan tetapi pihak berkenaan lebih berminat mendapatkan ubat yang dibawa misi perubatan itu semata-mata.

"Kami tidak bersetuju. Kalau setakat memberikan ubat kepada mereka, misi kami tidak sampai ke matlamatnya kerana kami mahu melihat sendiri keadaan sebenar dan menemui pelarian yang sedang menderita itu," katanya.

Justeru, mereka berbincang sesama anggota rombongan dan mengambil keputusan masuk ke kem pelarian walaupun mereka hanya boleh berbuat demikian pada 30 Jun. Mereka lantas memberanikan diri mendapatkan pas masuk lebih awal daripada pihak bertanggungjawab di kem itu.

Abdul Hadi berkata mereka berazam menyerahkan ubat itu ke tangan pelarian dan mahu Dr Shamsul sendiri memberi khidmat perubatan kepada mereka. Ini bermakna mereka tidak mengikut program PBB, sebaliknya membuat jadual sendiri.

Menurutnya, mereka bernasib baik kerana petugas PBB tidak menghalang pergerakan mereka. Sebelum itu, apabila menemui petugas Suruhanjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR) dan memberi penjelasan mengenai misi perubatan itu, pihak berkenaan berminat menemui mereka.

Tetapi apabila mengetahui misi itu membawa ubat, pihak itu pun berminat mendapatkan ubat itu semata-mata. MHEA tidak bersetuju menyerahkannya begitu saja kerana mereka berhasrat menyampaikannya sendiri kepada mangsa kekejaman puak Serbia itu.

Dengan matlamat itu, mereka bergerak ke kem di selatan Tirana, iaitu di Elbasan pada 23 Jun. Di situ, mereka masuk ke kem pelarian dikendalikan kerajaan Turki. Mulanya, kemasukan mereka tidak dialu-alukan. Petugas di situ menyangka mereka jurugambar dan wartawan.

Masalah komunikasi juga menyebabkan sambutannya agak hambar. Petugas itu tidak tahu berbahasa Inggeris. Sejurus, melalui seorang juru bahasa, mereka diberitahu bahawa rombongan itu dari Malaysia dan beragama Islam.

"Kami juga memberitahu tujuan ke situ untuk menyampaikan ubat dan merawat pelarian yang sakit" katanya.

Mendengar penjelasan itu, keadaan berubah. Kehadiran kami terus disambut mesra dan kerjasama sepenuhnya diberikan.

Kem Turki itu ialah yang pertama dibuka di Albania. Perhubungan Turki-Albania sebenarnya berteraskan sentimen sejarah 500 tahun lalu sejak zaman Empayar Uthmaniah. Malah 45 peratus orang Albania dan Kosovo berasal keturunan Turki.

Lebih kurang 10 kilometer dari kem Turki, ada dewan masyarakat lama yang dijadikan kem pelarian dikendalikan kerajaan Arab Saudi. Ketika tiba di situ, hampir 100 pelarian di situ bersiap untuk pulang ke kampung masing-masing.

"Walaupun tarikh kepulangan mereka sudah ditetapkan, mereka tidak sabar lagi hendak balik. Bagaimanapun, disebabkan sebilangan mereka sakit, kami memberikan rawatan dan ubat," katanya.

Antara penyakit teruk dihidapi mereka ialah trauma tekanan jiwa dialami ibu bapa yang mengenangkan kampung halaman, saudara mara, sahabat handai serta anak mereka.

"Seorang wanita separuh umur macam orang hilang akal. Dia tidak tahu apa jadi pada enam anaknya. Ketika melawatnya, dia nampak runsing sekali. Melalui jurubahasa, kami mendapat tahu suami dan anaknya dibunuh di depan mata manakala yang terlepas daripada kekejaman itu tidak diketahui di mana berada," katanya.

Lain-lain kes turut dirawat ialah kecederaan kaki kerana terkena jerangkap samar, peluru dalam badan dan luka seluruh badan kerana disiksa tentera Serbia.

Abdul Hadi sendiri tidak dapat menahan air mata apabila seorang daripada mereka memeluknya erat sambil menangis tersedu-sedu. "Kami menangis bersamanya mengenangkan nasib yang menimpa saudara seagama kita itu," katanya.

Di utara Albania, mereka bertolak dengan bas. Tiba di sana, pelarian itu dilihat dalam mood balik kampung. Sepatutnya program pemindahan itu bermula 1 Julai tetapi ketika itu baru 23 Jun, mereka sudah tidak sabar lagi untuk meninggalkan kem pelarian itu.

Justeru, mereka lakukan apa saja untuk pulang ke kampung masing-masing. Ada yang menyewa kenderaan, termasuk bas, traktor dan apa saja yang boleh membawa mereka pulang ke kampung mereka.

Dr Shamsul yang juga Timbalan Pengerusi MHEA, berkata hampir semua lapisan masyarakat Kosovo-Albania yang ditemui di kem berkenaan biasa mendengar nama Malaysia walaupun mereka tidak pasti di mana letaknya. Mereka juga mengenali nama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, mereka amat menghormati orang Malaysia yang dianggap saudara seagama yang berbudi tinggi dan sanggup menyeberangi lautan demi menghulurkan bantuan kepada saudara seagama yang tertindas dan dizalimi.

Dr Shamsul berkata, mereka turut membuat rawatan pesakit dari rumah ke rumah. Pendeknya ke mana saja mereka pergi, imej Malaysia yang dipamerkan melalui bendera yang dibawa sentiasa dihormati.

"Mereka amat menghormati pemimpin dan negara kita yang dianggap negara Islam yang baik. Imej yang ditonjolkan, termasuk usaha membawa bantuan perubatan ini amat disanjung mereka.

"Walaupun kita bukan organisasi besar tapi apa yang kami buat secara persendirian itu rasanya memberi kepuasan kepada diri kami kerana dapat berbakti kepada sesama manusia, apa lagi yang seagama dengan kita," katanya.

(END)